

# Bantah bina empangan

PTG Melaka tampal notis di Masjid Kampung Sungai Jerneh mengenai pengambilan 100 hektar tanah dalam RMK-9

Oleh Hasnira Hassan

**A**LOR GAJAH: Sebahagian daripada kira-kira 400 penduduk Kampung Sungai Jerneh, Brisu, dekat sini, membantah cadangan kerajaan negeri membina Empangan Sungai Jerneh sebagai takungan air mentah yang mereka dakwa akan menenggelamkan 183 lot tanah di kampung mereka.

Kebanyakan penduduk mendakwa, tiada wakil penduduk atau pihak berkuasa membincangkan pelaksanaan projek di kawasan tanah pusaka tinggalan nenek moyang mereka.

Turut terbabit tanah pertanian, termasuk kebun dan ladang getah yang menjadi sumber pendapatan penduduk selain Felcra Ramuan Cina serta Rumah Naning Lama yang dikatakan tempat persinggahan Datuk Dol Said, pahlawan Melayu dalam Perang Naning 1832.

Penduduk bertambah panik apabila hanya mengetahui kira-kira 100 hektar tanah mereka akan 'dikorbankan' dalam projek bernilai hampir RM100 juta melalui peruntukan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) itu melalui laporan akhbar dan televisyen.

Malah, notis Pejabat Tanah dan Galian negeri bertarikh 23 Februari 2006, memaklumkan kemungkinan tanah mereka diambil hanya ditampal di balai raya dan Masjid Kampung Sungai Jerneh bulan lalu.

Pada 17 April sehingga 19 April lalu, Perbadanan Air Melaka (Pam) mengeluarkan notis memaklumkan pelaksanaan kajian terma rujukan (TOR) mengenai cadangan projek dan meminta mengemukakan ulasan berhubung perkara itu kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) di Putrajaya sebelum 8 Mei ini.

Kebanyakan mereka yang ditemui, mengakui belum menerima sebarang surat mengenai pengambilan tanah atau pampasan yang akan diterima, selain perancangan pembangunan dan perpindahan penduduk.

Rosli Abdul Muis, 30, berkata surat bantahan bertarikh 27 April 2006 sudah dihantar terhadap JAS negeri, Balai Polis Lubok China, Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Ayer Limau, Idderis Kassim.

Turut dilampirkan 117 tandatangan penduduk yang dikumpulkan sejak 18 April lalu sebagai menyokong bantahan.

Beliau berkata, surat bantahan kepada Ahli Parlimen Masjid Tanah, Datuk Wira Abu Seman Yusop dan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan dihantar dalam minggu ini.

"Macam mana kami hendak setuju. Tiada perjumpaan langsung dengan penduduk. Penduduk kampung tidak tahu apa-apa. Hanya notis ditampal di balai raya dan masjid. Apabila kita tanya Adun, dia jawab 'kamu duduk

**“Kami sedih dengan keadaan ini, hanya mendengar khabar angin mengenai pembangunan atas harta kami, sedangkan sepatutnya kami dimaklumkan secara hitam putih”**

**Dr Rosnah Ismail**  
Penduduk



diam-diam, biar saya yang buat kerja," katanya.

Rosli berkata, JAS sudah meninjau kawasan kampung pada 21 April lalu, manakala Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM) berbuat demikian pada 24 April, namun, wakil kedua-dua agensi itu tidak memaklumkan apa-apa kepada penduduk.

Saudah Muhammad, 66, mempertikaikan tindakan yang dianggap menceroob kawasan penempatan dan tanah penduduk.

"Cara ini tidak betul, tiada perjumpaan sama ada di kalangan Jawatankuasa

Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) atau pejabat tanah. Orang kampung tidak tahu, kita cuma sedar bila sudah heboh dalam akhbar.

"Hanya dalam perjumpaan hari raya lalu, Adun memberitahu hendak membina empangan air tetapi tiada pula mesyuarat diadakan," katanya.

Dr Rosnah Ismail, 32, berkata penduduk tidak menentang pembangunan, tetapi mereka berhak dimaklumkan kerana ia pengambilan tanah berpuluh ekar warisan nenek moyang.

"Ini sentimen Melayu, kita sudah tidak ada tanah lain. Tanah pusaka seperti ini

## INFO

### Cadangan pembinaan Empangan Sungai Jerneh

- Membabitkan kawasan seluas 100 hektar di Sungai Jerneh, Brisu, Alor Gajah.
- Projek bernilai hampir RM100 juta menggunakan peruntukan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).
- Dijangka dapat menambah pengeluaran air mentah sebanyak 55 juta liter sehari.
- Dijangka mampu menampung permintaan air di Melaka sehingga 2022.

susah dicari ganti, kecuailah kerajaan ada perancangan lain (mengganti tanah pusaka).

"Wakil rakyat juga tidak beritahu apa-apa. Mana pergi wakil rakyat yang kita sokong selama ini, bila ditanya... semua pakat tidak tahu.

"Surat yang ditampal di balai raya pula tidak difahami orang kampung dan hanya berharap golongan generasi baru yang celik mata untuk membaca notis dan bertindak seumpama ini," katanya.

Dr Rosnah berkata, penduduk kampung juga tidak mahu tanah mereka tergadai begitu sahaja.